

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
(BATU)**

**SOALAN :**

**YB CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA (Batu)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap pelaksanaan syor-syor SUHAKAM yang telah diterima oleh Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan Hak Tanah Adat Orang Asli. Bolehkah sesalinan dokumen-dokumen yang berkenaan diberi kepada orang awam. Adakah apa-apa dokumen di bawah proses ini dilindungi Akta Rahsia Rasmi 1972.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan Hak Tanah Adat Orang Asal/Asli (JKKHTOA) telah mengambil maklum dan bersetuju dengan 17 syor yang dicadangkan oleh Laporan SUHAKAM yang meliputi 50 tindakan terdiri daripada 26 tindakan jangka pendek, 21 tindakan jangka

sederhana dan 3 tindakan jangka panjang. JKKHTOA juga mengambil maklum dan bersetuju dengan hasil laporan *workcamp* yang telah diadakan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 23 hingga 24 Mac 2016 bahawa kesemua negeri bersetuju dengan langkah jangka pendek untuk mengemaskini sistem dan prosedur pengurusan tanah sedia ada, meningkatkan keterlibatan Orang Asal/Asli dan menangani isu ketidakseimbangan pembangunan tanah.

JKKHTOA juga bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli dilaksanakan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memberi jaminan pegangan kekal hak tanah kepada Orang Asli. Cadangan Perwartaan Tanah kepada Orang Asli ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 10 Mei 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Mei 2016 dan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia pada 5 September 2016 dan bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli dibuat di bawah Seksyen 6 atau/dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Susulan daripada itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah diminta untuk menyediakan Garis Panduan bagi memperincikan tatacara kerja pelaksanaan pewartaan tanah Orang Asal/Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Pada masa ini, tiada definisi khusus yang wujud bagi Tanah Pegangan Adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, di bawah langkah jangka panjang, satu kajian menyeluruh mengenai konsep pegangan tanah adat Orang Asal/Asli sedang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-

Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai isu-isu sosial berkaitan adat, tradisi dan amalan budaya hidup masyarakat Orang Asal/Asli untuk dijadikan asas kepada pindaan undang-undang yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang menyediakan pelan komunikasi sebelum syor dan dapatan Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli dapat didedahkan kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.